




KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK



MODUL KENYALANG CEMERLANG SPM 2023

PENDIDIKAN MORAL

SEKTOR
PEMBELAJARAN

Tinta Bicara
Timbalan Pengarah
Sektor Pembelajaran



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

Salam Sejahtera,
Salam Menjangkau Pendidikan Negeri Sarawak
Salam Malaysia Madani
Fly Kenyalang Fly, Fly High

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas terbitnya Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 pada tahun ini. Sesungguhnya kerja buat yang dilaksanakan ini bukan hanya dari jabatan ini tetapi semua mereka yang terlibat khususnya guru-guru cemerlang, guru-guru pakar mata pelajaran dan guru-guru kanan mata pelajaran yang bertungkus lumus dalam memastikan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 ini disiapkan mengikut kualiti yang ditetapkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mendapat maklum balas yang positif dari kalangan guru dan murid berkenaan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2022. Penggunaan modul tersebut sebagai instrumen persediaan sebelum murid menduduki SPM merupakan matlamat utama jabatan untuk meningkatkan kemajuan murid dan seterusnya meningkatkan peratusan layak sijil SPM yang telah meningkat pada tahun 2021 daripada 88.29% kepada 91.22% pada tahun 2022.

Saya percaya dengan terbitnya modul ini guru-guru dan murid-murid terutamanya calon SPM tahun 2023 dapat memanfaatkan modul ini sebagai modul rujukan dalam menjawab SPM nanti. Jabatan ini juga berharap Modul Kenyalang Cemerlang SPM dapat dikongsi bersama-sama dalam kalangan panitia mata pelajaran di seluruh negara khususnya dalam memahami teknik menjawab soalan pelbagai aras yang dikemukakan. Sebaiknya modul ini dapat dikongsi bersama bagi memastikan modul ini sentiasa meniti dari bibir ke bibir guru-guru di seluruh Malaysia.

Tahniah kepada para pegawai di Sektor Pembelajaran yang sama-sama menyelaras bagi memastikan modul ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Saya berharap dengan usaha gigih ini akan membuahkan hasil yang lebih baik lagi dalam kita menghitung hari menjelang SPM 2023 nanti.

**Selamat Maju Jaya,
Tingkatkan Prestasi untuk Pendidikan yang
Berkualiti**

Fly Kenyalang Fly, Fly High

Dr. LES ANAK MET
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak



KANDUNGAN

Jawatankuasa Pembinaan Modul Kenyalang Cemerlang 2.0 Pendidikan Moral
SPM 2023 Negeri Sarawak

iii - iv

TINGKATAN 4

Bidang 5: Insan Bermoral

1 Unit	Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan	1 – 2
2 Unit	Peribadi Mulia Hiasan Diri	3 – 4
3 Unit	Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan	5 – 6
4 Unit	Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika	7 – 8

Bidang 6: Jati Diri Moral

5 Unit	Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri	9 – 10
6 Unit	Keluarga Berintegriti Keluarga Disegani	11 – 12
7 Unit	Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera	13 – 14

Bidang 7: Moral dan Kenegaraan

8 Unit	Hak dan Tanggungjawab Warganegara	15 – 16
9 Unit	Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara	17 – 18
10 Unit	Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika	19 – 20
11 Unit	Keunikan Rakyat Malaysia	21 – 22
12 Unit	Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama	23 – 25

TINGKATAN 5

Bidang 5: Insan Bermoral

1 Unit	Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat	26 – 27
2 Unit	Ukir Nama di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada	28 – 29
3 Unit	Kerohanian Membentuk Individu Bermoral	30 – 31
4 Unit	Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat demi Kesejahteraan Sejagat	32 – 33

Bidang 6: Jati Diri Moral

5 Unit	Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi	34 – 35
6 Unit	Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti	36 – 37
7 Unit	Berperikemanusiaan Pemangkin Kesejahteraan Global	38 – 40

Bidang 7: Moral dan Kenegaraan

8 Unit	Penglibatan Diri Peneraju Komuniti	41 – 42
9 Unit	Kerjasama Masyarakat Global	43 – 44
10 Unit	Pengurusan Kewangan Secara Beretika Menjamin Keharmonian Hidup	45 – 47
11 Unit	Malaysia Unggul di Mata Dunia	48 – 49
12 Unit	Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa	50 – 51

Cadangan Jawapan	52 – 113
------------------	----------

Jawatankuasa Pembinaan Modul Kenyalang Cemerlang 2.0
Pendidikan Moral SPM 2023 Negeri Sarawak

Penyelaras: Dr. Joshua Caseley Anak Akun

(Penolong Pengarah Unit Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak)

Ketua Panel: Cikgu Cheong Kok Khim
(SMK Kidurong)

Cikgu Chai Siew Ju
(SMK Sungai Maong)

Cikgu Kuo Poh Ling
(SMK Bintulu)

Cikgu Mentil Anak Maleng
(SMK Sungai Tapang)

Cikgu Jimmy Anak Lajim
(SMK Kemena)

Cikgu Chai Jiun Yi
(SMK Tun Abdul Razak)

Cikgu Emily David
(SM Sains Miri)

Cikgu Chan Chiew Sze
(SMK Bandar Kuching No.1)

Cikgu Ting Suk Leng
(SMK Sacred Heart)

Cikgu Chew Bee Kiow
(SMK Siburan)

Cikgu Voon Yan Fen
(SMK Simanggang)

Cikgu Nursaifullah Ali Muhazirn Bin Abd
Manan (SM Sains Kuching Utara)

Cikgu Wee Yan Sui
(SMK Sri Aman)

Cikgu Ong Phang Liang
(SMK Muara Tuang)

Cikgu Chai Fong Ling
(SMK Batu Kawa)

Cikgu Zuria Binti Othman
(SMK Green Road)

Cikgu Umbih Anak Enjan
(SMK Tinggi Sarikei)

Cikgu Melinda Anak Lipeh
(SMK Penrissen)

Cikgu Wong Ing Fen
(SMK Kampung Nangka)

**Cikgu Gan We Lee
(SMK Batu Kawa)**

**Cikgu Tony Anak Mawa
(SMK Wira Penrissen)**

**Cikgu William Yong Sung Chong
(SMK Methodist Sibu)**

**Cikgu Lee Mee Ching
(SMK Kai Chung)**

**Cikgu Sian See Rieng
(SMK Ulu Laya)**

**Cikgu Siti Khadijah Bt Haimi
(SMK Matang Jaya)**

**Cikgu Clement Joe Ak Gilbert
(SM Sains Kuching)**

TINGKATAN 4
Unit 1: Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan

Bahagian A

Gambar berikut menunjukkan perubahan norma masyarakat dalam aktiviti permainan kanak-kanak dahulu dan sekarang.



Sumber: <https://bit.ly/44YYe7T>

- (a) Terangkan perubahan norma masyarakat dalam aktiviti permainan yang dilakukan oleh kanak-kanak dahulu dengan kanak-kanak sekarang.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Terangkan kepentingan aktiviti permainan tradisional kepada komuniti Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Berikan contoh norma masyarakat Malaysia selain aktiviti seperti gambar di atas.

- i.
- ii.

[2 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut berkaitan norma masyarakat.

Walaupun menerima kemajuan dan kemodenan, namun tidaklah memberikan kebebasan kepada kita untuk mengetepikan apa-apa jua amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian. Amalan norma masyarakat membantu untuk membentuk insan bermoral.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 8

- (a) Jelaskan maksud norma masyarakat. [2 markah]
- (b) Bincangkan kepentingan amalan norma masyarakat dalam masyarakat Malaysia. [8 markah]

Bahagian C

Berikut merupakan tajuk akhbar berkaitan amalan rumah terbuka.



Sumber: <https://bit.ly/41DNJnE>

- (a) Anda bersetuju dengan tajuk akhbar di atas. Justifikasikan jawapan anda. [4 markah]
- (b) Terangkan langkah-langkah yang dapat dijalankan oleh pelbagai pihak untuk menjamin hubungan baik di negara kita. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Bincangkan kesan sekiranya masyarakat kita tidak lagi mengamalkan norma masyarakat di atas pada masa akan datang. [8 markah]

TINGKATAN 4

Unit 2: Peribadi Mulia Hiasan Diri

Bahagian A

Gambar di bawah menunjukkan masalah sosial dalam kalangan remaja.



Sumber: <https://rb.gy/w4yf0>

- (a) Nyatakan **dua** cara individu berkeperibadian mulia untuk mengelakkan gejala negatif tersebut.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Jelaskan punca remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Berikan **empat** kesan sekiranya remaja mengabaikan tingkah laku berkeperibadian mulia dalam kehidupan harian.

i.

ii.

iii.

iv.

[4 markah]

Bahagian B

Gambar di bawah menunjukkan keadaan di dalam sebuah pengangkutan awam.



Sumber: <https://tinyurl.com/3mhj5pux>

- (a) Nyatakan golongan yang harus diberi keutamaan tempat duduk dalam pengangkutan awam seperti bas dan keretapi. [2 markah]
- (b) Jika anda berada dalam situasi tersebut, bincangkan tindakan yang harus anda ambil. [8 markah]

Bahagian C

Gambar di bawah menunjukkan kejadian langgar lari.



Sumber: <https://rb.gy/p5cjb>

- (a) Nyatakan etika memandu di jalan raya. [4 markah]
- (b) Bincangkan kepentingan mengamalkan keperibadian mulia semasa memandu di jalan raya. [8 markah]
- (c) Sekiranya anda menyaksikan kejadian langgar lari, bagaimanakah anda bertindak untuk membantu mangsa langgar lari tersebut?
Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]

TINGKATAN 4**Unit 3: Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan****Bahagian A**

Maklumat berikut berkaitan situasi penganiayaan haiwan.

Situasi 1	Situasi 2
Seekor haiwan peliharaan yang dijangkiti penyakit terus dipelihara oleh tuannya tanpa mendapat rawatan sewajarnya.	Terdapat haiwan yang dibunuh dan dijual ke restoran untuk disajikan sebagai makanan eksotik.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 39

- (a) Terangkan tindakan yang harus diambil terhadap haiwan seperti di atas berdasarkan prinsip keprihatinan.

i. Situasi 1:

.....

.....

ii. Situasi 2:

.....

.....

[4 markah]

(b)

Haiwan juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang penganiayaan.

Berikan komen anda.

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah Akta Kebajikan Haiwan 2015 boleh mencegah perbuatan penganiayaan haiwan?

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut tentang keputusan yang dibuat berdasarkan prinsip keadilan.

Jeeva, seorang pengawas sekolah dan anggota pengakap yang patuh pada peraturan. Dia terpilih untuk menghadiri jambori pengakap pada peringkat antarabangsa. Ketika mengikuti jambori tersebut, Jeeva telah keluar dari tapak perkhemahan tanpa kebenaran pihak penganjur. Apabila diketahui oleh pihak penganjur, Jeeva tidak dibenarkan meneruskan aktiviti dalam perkhemahan tersebut.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 42

- (a) Berikan maksud prinsip keadilan. [2 markah]
- (b) Sebagai pihak penganjur, mengapakah anda membuat keputusan demikian? Berikan justifikasi anda. [8 markah]

Bahagian C

Maklumat berikut berkaitan situasi Chin Meng Keong.



Chin Meng Keong dijatuhi hukuman penjara seumur hidup atas kes jenayah yang dilakukannya. Di dalam penjara, Chin Meng Keong berjaya mengubah dirinya dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Chin Meng Keong juga membantu pesalah lain untuk menuntut ilmu. Chin Meng Keong membuat rayuan untuk dibebaskan kerana dia telah insaf dan ingin berbakti kepada masyarakat. Dia juga ingin bersama-sama dengan anggota keluarganya.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 36

- (a) Cadangkan **empat** strategi penyelesaian konflik untuk menyelesaikan dilema moral di atas. [4 markah]
- (b) Berdasarkan prinsip keadilan, jelaskan tindakan anda jika anda merupakan hakim bagi kes rayuan Chin Meng Keong. Berikan justifikasi anda berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Huraikan kepentingan membuat keputusan berdasarkan prinsip keprihatinan dalam situasi di atas. [8 markah]

TINGKATAN 4

Unit 4 : Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan isu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.



Sumber: <https://bit.ly/3mLy8Em>

(a) Andaikan anda menerima mesej seperti yang di atas, apakah yang harus anda lakukan?

- i.
- ii.
- iii.
- iv.

[4 markah]

(b) Ramalkan kesan sekiranya anda menuruti kehendak mesej tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Senaraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi semasa menggunakan media sosial.

.....

.....

[2 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut berkaitan tindakan memuat naik rakaman secara tidak sah.



Sumber: <https://bit.ly/41zvYpS>


Anda dan rakan-rakan sedang menonton sebuah filem terbaharu di pawagam. Sambil menonton, anda telah merakam filem tersebut dengan menggunakan telefon pintar. Apabila pulang ke rumah, anda memuat naik rakaman tersebut melalui laman sosial dan menularkannya.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 55

- (a) Tindakan memuat naik rakaman tersebut merupakan satu pelanggaran hak cipta. Jelaskan maksud hak cipta. [2 markah]
- (b) Tindakan anda memuat naik rakaman tersebut merupakan tindakan yang tidak wajar. Jelaskan. [8 markah]

Bahagian C

Gambar berikut tentang medium komunikasi yang sering digunakan pada masa ini.



- (a) Berdasarkan gambar di atas, senaraikan etika yang patut anda patuhi ketika menggunakan medium komunikasi ini. [4 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika ketika anda menggunakan medium komunikasi ini. Berikan huraian berdasarkan nilai universal yang anda pelajari. [8 markah]
- (c) Ramalkan kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika. [8 markah]

TINGKATAN 4

Unit 5: Mantap Integriti, Mantaplah Jati Diri

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan operasi pemeriksaan tanda harga, penggunaan alat timbang, kebersihan dan lesen perniagaan oleh KPDNHEP Selangor.



KPDNHEP Selangor menjalankan Operasi Bersepadu bersama MBSA di Pasar Awam Moden Seksyen 25 Shah Alam pada Ahad bagi memastikan tahap penandaan harga, penggunaan alat timbangan, kebersihan dan lesen perniagaan.

Sumber: <https://bit.ly/3nunDFV>

- (a) Nyatakan kepentingan peniaga meletakkan tanda harga dan menggunakan alat timbangan yang betul.

- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

- (b) Jelaskan **dua** sikap yang patut ada pada seorang peniaga.

- i.
.....
- ii.
.....

[4 markah]

- (c) Sebagai pengguna, berikan tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantu kerajaan menjayakan operasi bersepadu di atas.

.....

[3 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut berkaitan kesilapan pegawai kaunter bank semasa pengeluaran wang.



Puan Dania telah mengeluarkan wang sebanyak RM30,000.00 di sebuah bank. Setelah kembali ke kereta, dia mengira semula wangnya. Dia begitu terkejut setelah mendapati jumlah wang yang diterima melebihi jumlah wang yang ingin dikeluarkannya. Dia berasa serba salah. Suaminya meminta agar Puan Dania mendumkan diri sahaja kerana kesilapan itu dilakukan oleh pegawai bertugas di kaunter bank. Setelah berfikir sejenak, Puan Dania kembali semula ke dalam bank dan mengembalikan wang yang lebih itu.

- (a) Nyatakan sikap Puan Dania dalam situasi tersebut.

[2 markah]

- (b) Huraikan kesan sekiranya Puan Diana tidak mengembalikan wang lebihan tersebut.

[8 markah]

Bahagian C

Pernyataan berikut berkaitan amalan integriti.

Encik Daniel Tan seorang pengarah syarikat terkenal di ibu kota. Dia seorang pengarah yang berkaliber dan berkebolehan sehingga syarikat semakin maju dan disegani.

Namun belakangan ini, prestasi kerja Daniel Tan semakin merosot selepas dia mengalami kerugian yang amat besar setelah ditipu dalam pelaburan saham. Daniel mula menyalahgunakan wang syarikat untuk tujuan peribadi. Isterinya pula, sering berbelanja besar ketika mengikutinya setiap kali Daniel ada urusan kerja di luar daerah atau luar negara. Daniel Tan kerap membuat tuntutan palsu termasuk tuntutan perbelanjaan peribadi isterinya.

- (a) Nyatakan amalan integriti yang patut diamalkan oleh Daniel Tan.

[4 markah]

- (b) Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan kepentingan amalan integriti dalam kerjaya.

[8 markah]

- (c) Terangkan implikasi perbuatan Daniel Tan terhadap diri dan syarikat.

[8 markah]

TINGKATAN 4

Unit 6: Keluarga Berintegriti Keluarga Disegani

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan situasi yang mungkin menyebabkan konflik dalam keluarga.

Situasi 1

Adik selalu berbohong kepada ibu dan menghabiskan masa dengan permainan komputer.

Situasi 2

Lim bosan dengan perbuatan neneknya yang suka menegur setiap tindakannya.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 80-81

- (a) Berdasarkan situasi di atas, nyatakan implikasi perbuatan tidak berintegriti terhadap anggota keluarga.

i.

ii.

iii.

[3 markah]

- (b) Berdasarkan situasi 2, jelaskan tindakan anda jika berada dalam situasi Lim.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Huraikan **dua** kaedah terbaik ibu bapa untuk membentuk komunikasi yang baik dengan anak-anak.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Gambar di bawah berkaitan isu anak menjadi “tuan”.



Sumber: <http://bitly.ws/DD5Y>

Anak menjadi “tuan” merupakan gaya keibubapaan sekarang yang selalu melayani kehendak anak-anak. Ibu bapa suka memenuhi permintaan anak-anak dengan barangan mewah. Mereka tidak mahu anak-anak berasa kecewa jika permintaan tidak ditunaikan.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 82

- (a) Integriti keluarga bermaksud pembinaan keluarga yang bahagia, utuh dan penyayang berlandaskan nilai murni. Senaraikan **dua** ciri integriti keluarga. [2 markah]
- (b) Wajarkah gaya keibubapaan sebegini diteruskan? Berikan alasan anda. [8 markah]

Bahagian C

Petikan akhbar berikut berkaitan isu perebutan harta dalam kalangan anggota keluarga.



Sumber: <https://rb.gy/vjmgj>

- (a) Berikan contoh integriti keluarga yang perlu dilakukan untuk mengekalkan keharmonian keluarga. [4 markah]
- (b) Andaikan anda salah seorang daripada anggota keluarga yang terlibat dengan konflik keluarga tersebut, jelaskan cabaran yang bakal dihadapi untuk membentuk keluarga harmoni. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Huraikan tindakan yang boleh diambil oleh setiap ahli keluarga untuk membentuk keluarga bahagia dan menjadi contoh kepada masyarakat. [8 markah]

TINGKATAN 4

Unit 7: Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera

Bahagian A

Gambar berikut berkaitan isu eksploitasi pengemis cilik akibat pengabaian sifat perikemanusiaan dalam kalangan masyarakat.



Sumber: <https://bit.ly/3LJc6eQ>

- (a) Berikan maksud perikemanusiaan.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Cadangkan langkah mengatasi isu eksploitasi pengemis cilik di atas.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) ISU kecederaan atau kematian kanak-kanak disebabkan kelalaian dan kurang pengawasan orang dewasa di negara ini perlu diberikan perhatian sewajarnya semua pihak, sekali gus mengelakkan sebarang insiden tidak diingini.
- Di Amerika Syarikat (AS), kajian mendapati 40 peratus kecederaan atau kematian kanak-kanak adalah disebabkan kekurangan pengawasan orang dewasa. Persatuan pekerja sosial di negara itu sependapat bahawa kanak-kanak seharusnya berusia sekurang-kurangnya 12 tahun sebelum boleh ditinggalkan bersendirian di rumah selama empat jam atau lebih.

Sumber: <https://rb.gy/mkl6b>

Anda bersetuju dengan cadangan persatuan pekerja sosial tersebut. Justifikasikan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut merupakan sumbangan yang diberikan oleh salah satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia.



Sumber: <https://kecharasoupkitchen.com/my/>

- (a) Nyatakan **dua** Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) lain yang berfungsi untuk melaksanakan aktiviti kemanusiaan. [2 markah]
- (b) Bincangkan faedah yang dapat diperoleh sekiranya terlibat dalam aktiviti kemanusiaan. [8 markah]

Bahagian C

Gambar berikut menunjukkan isu penderaan haiwan.



Kejadian pembunuhan kucing di mesin pembasuh baju di kedai dobi.



Lagi kucing dianiaya, diseret tengah jalan.

Sumber: <https://rb.gy/ic0dt>

Sumber: <https://rb.gy/gcdo7>

- (a) Namakan **empat** jenis haiwan lain yang boleh dijadikan haiwan peliharaan. [4 markah]
- (b) Walaupun sudah ada hukuman yang berat terhadap pendera haiwan, mengapakah sikap tidak berperikemanusiaan ini masih berleluasa? Jelaskan. [8 markah]
- (c) Jelaskan sikap berperikemanusiaan yang wajar dilakukan terhadap haiwan. Kongsikan pendapat anda berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari. [8 markah]

TINGKATAN 4
Unit 8: Hak Dan Tanggungjawab Warganegara

Bahagian A

Maklumat di bawah berkaitan hak sebagai warganegara.

Perkara 10

Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

Sumber: Perlembagaan Persekutuan

- (a) Nyatakan isu sensitif yang tidak boleh dipersoalkan oleh seorang warganegara Malaysia.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda menyuarakan pendapat semasa perbincangan dalam kumpulan dilaksanakan?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Kita perlu memelihara hak dan tanggungjawab untuk mengekalkan identiti dan jati diri sebagai rakyat Malaysia. Jelaskan **dua** implikasi sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang warganegara.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Poster di bawah berkaitan pilihan raya di Malaysia.



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam, Mei 2013

- (a) Apakah syarat untuk menjadi seorang pengundi pilihan raya di Malaysia? [2 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan memilih seorang pemimpin yang berwibawa semasa Pilihan Raya Umum dijalankan. [8 markah]

Bahagian C

Poster berikut berkaitan Sambutan Ulang Tahun ke – 50 Majlis Keselamatan Negara.



Sumber: Berita RTM, 12 Julai 2021

- (a) Nyatakan peranan kerajaan dalam memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara. [4 markah]
- (b) Sebagai seorang warganegara, jelaskan cara anda menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Huraikan kesan terhadap negara sekiranya keselamatan negara terancam. [8 markah]

TINGKATAN 4**Unit 9: Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara****Bahagian A**

Maklumat di bawah berkaitan penetapan bahasa kebangsaan di negara kita.

BAHASA KEBANGSAAN Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152 (1) menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara
--

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 131

- (a) Mengapakah bahasa Melayu dapat memainkan peranan sebagai bahasa perpaduan?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Bincangkan cabaran penggunaan bahasa Melayu dalam menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Berikan cadangan untuk meningkatkan kesedaran warga sekolah supaya mereka dapat menggunakan bahasa Melayu yang betul.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B

Gambar berikut menunjukkan cabaran budaya tular dalam membentuk perpaduan di negara kita.




Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 129

- (a) Bagaimanakah golongan remaja boleh menggunakan media sosial untuk menerapkan amalan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita? [2 markah]
- (b) Ramalkan implikasi terhadap pembentukan perpaduan di negara kita sekiranya budaya tular tidak diatasi. [8 markah]

Bahagian C

Gambar berikut berkaitan amalan perpaduan di negara kita.



Sumber: <http://bitly.ws/ExlZ>

- (a) Nyatakan contoh amalan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah murid memupuk perpaduan kaum di sekolah? Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Terangkan kepentingan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. [8 markah]

TINGKATAN 4

Unit 10: Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan perbelanjaan beberapa orang individu.

Bo Xuan	: Membeli sepasang kasut baharu semasa jualan murah kerana kasut sedia ada sudah tidak mengikut gaya semasa.
Naresh	: Membuat penolakan gaji untuk insurans nyawa, tetapi ingin menambah untuk unit amanah. Namun, bimbang perbelanjaan bulanan meningkat.
Daniel	: Membeli dua tin biskut kerana inginkan bekas pensel edisi terhad yang diberikan secara percuma. Dia sememangnya memerlukan bekas pensel.

- (a) Bagaimanakah Bo Xuan dapat mengawal perbelanjaan kehendak secara beretika?

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Anda bersetuju dengan cara perbelanjaan Daniel. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Setiap perbelanjaan memerlukan perancangan secara sistematik. Justifikasikan jawapan anda.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B

Keratan akhbar berikut adalah berkaitan isu muflis.



Sumber: Utusan Malaysia, 4 Ogos 2022

- (a) Berikan maksud muflis. [2 markah]
- (b) Mengapakah muflis berlaku dalam kalangan masyarakat? [8 markah]

Bahagian C

Gambar di bawah menunjukkan satu kaedah dalam menyediakan bajet perbelanjaan.



Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 147

- (a) Nyatakan cara pengurusan perbelanjaan secara beretika. [4 markah]
- (b) Berdasarkan gambar di atas, penggunaan sampul bajet merupakan salah satu cara anda dapat menguruskan perbelanjaan dengan bijak. Bagaimanakah penggunaan sampul bajet dapat membantu anda menguruskan perbelanjaan secara beretika? Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari. [8 markah]
- (c) Bincangkan kesan sekiranya tidak menguruskan wang perbelanjaan secara beretika. [8 markah]

TINGKATAN 4
Unit 11: KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Bahagian A

Gambar di bawah menunjukkan perayaan kaum India dimeriahkan oleh kaum lain tanpa mengira agama, bangsa dan bahasa.



Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 164

(a) Nyatakan **dua** keunikan rakyat Malaysia berdasarkan gambar di atas.

- i.
- ii.

[2 markah]

(b) Jelaskan **dua** kepentingan mempertahankan keunikan rakyat Malaysia.

-
-
-
-

[4 markah]

(c) Bagaimanakah anda mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kalangan rakan anda di sekolah?

-
-
-
-

[4 markah]

Bahagian B

Gambar di bawah menunjukkan beberapa contoh makanan tradisional yang terdapat di Malaysia.



Dim sum

Laksa Sarawak

Nasi kerabu


Tose

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 165

- (a) Selain maklumat di atas, namakan **dua** contoh makanan tradisional lain yang terdapat di Malaysia. [2 markah]
- (b) Bincanglah cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan keunikan kepelbagaian makanan di Malaysia. [8 markah]

Bahagian C

Maklumat berikut berkaitan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.



Sumber: <https://www.slideshare.net/shahrulasyikin/dasar-kebudayaan-kebangsaan>

- (a) Nyatakan aktiviti yang boleh dijalankan di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan. [4 markah]
- (b) Terangkan kepentingan menjayakan Objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal oleh kerajaan dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. [8 markah]
- (c) Apakah tindakan yang sewajarnya diambil oleh setiap rakyat berbilang kaum bagi menyahut seruan kerajaan bagi merealisasikan objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan? Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari. [8 markah]

TINGKATAN 4

Unit 12: Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan cabaran dalaman yang boleh menggugat kedaulatan negara.

	
Vandalisme	Gengsterisme
	
Menghina negara di media sosial	Ponteng sekolah

Sumber: www.bing.com

- (a) Nyatakan **dua** perlakuan yang wajar dipraktikkan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala di atas.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Jelaskan implikasi gejala di atas terhadap negara.

.....

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan menangani gejala sosial dalam kalangan remaja.



Sumber: <https://harisukannegara.my>

Huraikan langkah untuk menggalakkan golongan remaja menyertai program tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Pernyataan berikut berkaitan kedaulatan negara.

Rakyat Malaysia perlu berbangga kerana dapat bersama-sama mempertahankan kemerdekaan sehingga hari ini. Kealpaan dan kegagalan mempertahankan kedaulatan negara boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk yang menjejaskan kedudukan negara.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, hlm. 171

- (a) Jelaskan maksud negara berdaulat. [2 markah]
- (b) Ramalkan implikasi sekiranya rakyat mengabaikan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara. [8 markah]

Bahagian C

Gambar berikut menunjukkan Sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di Malaysia.



Sumber: www.parlimen.gov.my

- (a) Nyatakan ciri negara berdaulat berdasarkan gambar di atas. [4 markah]
- (b) Mengapakah generasi kini harus memahami dan memelihara kedaulatan negara? Berikan huraian anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Pada era globalisasi ini, terdapat pelbagai cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara. Terangkan cabaran untuk mengekalkan kedaulatan negara dalam kalangan generasi muda. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 1: Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat

Bahagian A

Gambar berikut menunjukkan satu amalan norma masyarakat global.

Tindakan sekumpulan remaja
membersihkan longkang wajar dipuji



Sumber: <https://bit.ly/3VfiFsL>

- (a) Terangkan **dua** kebaikan amalan norma masyarakat global tersebut dalam kehidupan harian.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Berikan **dua** contoh norma masyarakat global yang boleh diamalkan oleh remaja selain gambar di atas.

i.

ii.

[2 markah]

- (c) Huraikan kesan pengabaian norma masyarakat global terhadap alam sekitar.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut berkaitan dengan norma masyarakat global.

Krisis kesihatan *Coronavirus Disease of 2019* (COVID-19), telah memberi kesan besar terhadap pelbagai aspek pembangunan, sehingga *World Health Organization* (WHO) sendiri mengisytiharkannya sebagai pandemik. Kesan susulan pandemik COVID-19 telah menjejaskan hampir seluruh sistem pendidikan dunia di samping sistem pembangunan ekonomi dan sosial. Berdasarkan *World Bank* (2021), kesan terhadap sistem pendidikan didapati lebih teruk berbanding jangkaan apabila menjejaskan hampir 150 negara, termasuk 1.6 bilion pelajar akibat penutupan sekolah.

Sumber: <https://bit.ly/44U2CFm>

- (a) Jelaskan maksud norma masyarakat global. [2 markah]
- (b) Bincangkan kesan pandemik COVID-19 terhadap sistem pendidikan global. [8 markah]

Bahagian C

Maklumat berikut berkaitan dengan kempen penanaman pokok.



Sumber: Infografik Bernama

- (a) Nyatakan faedah kempen ini kepada generasi akan datang. [4 markah]
- (b) Huraikan usaha yang dapat dijalankan oleh pelbagai pihak untuk memelihara alam sekitar. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Bincangkan kesan sekiranya anggota masyarakat global tidak menyokong kempen tersebut. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 2: Ukir Nama di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada

Bahagian A

Poster di bawah menunjukkan program kebudayaan anjuran kerajaan yang menggabungkan pelbagai budaya antarabangsa.



Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

- (a) Berikan maksud individu global.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Program seperti dalam poster di atas dapat memupuk sikap global dalam kalangan masyarakat. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Huraikan **dua** kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak bersedia menyahut cabaran menjadi seorang individu global terhadap pembangunan negara.

i.

.....

ii.

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Gambar di bawah menunjukkan pelbagai jenis makanan di Malaysia.



Sumber: <https://tinyurl.com/275vpft6>



Sumber: <https://tinyurl.com/3bjk82p>



Sumber: <https://tinyurl.com/3nnfp897>



Sumber: <https://tinyurl.com/8hxkkshj>

- (a) Senaraikan **dua** jenis makanan Malaysia seperti yang ditunjukkan di atas. [2 markah]
- (b) Negara kita kaya dengan pelbagai makanan tradisional yang lazat. Sebagai individu global, huraikan cara untuk mempromosikan makanan tradisional negara kita di persada dunia. [8 markah]

Bahagian C

Gambar di bawah menunjukkan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.



Sumber: <https://tinyurl.com/yc2tnxu5>

- (a) Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum mempunyai keunikan masing-masing. Nyatakan keunikan yang ada pada rakyat Malaysia. [4 markah]
- (b) Keunikan negara sendiri harus dikekalkan walaupun budaya global menular dalam kehidupan generasi kini. Jelaskan. [8 markah]
- (c) Huraikan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak bersikap global. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]

TINGKATAN 5
Unit 3: Kerohanian Membentuk Individu Bermoral

Bahagian A

Gambar berikut berkaitan dengan nilai kerohanian dalam hubungan kekeluargaan.



Sumber: mediamaklumat.com

- (a) Terangkan **dua** sebab anak-anak menghantar ibu bapa ke rumah orang tua.

- i.
-
- ii.
-

[4 markah]

- (b) Anak-anak yang menghantar ibu bapa yang sudah tua ke rumah orang tua dianggap tidak mempunyai nilai kerohanian.
 Berikan cara individu dapat meningkatkan nilai kerohanian.

.....

.....

[2 markah]

- (c) Kebanyakan anak tidak akan melakukan perkara yang sama seperti situasi di atas kepada ibu bapa mereka. Justifikasikan.

.....

.....


.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut berkaitan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja.



Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5, hlm. 42

- (a) Masalah sosial di atas wujud kerana remaja tidak mempunyai nilai kerohanian. Nyatakan ciri-ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian. [2 markah]
- (b) Bagaimanakah nilai kerohanian dapat mengelakkan remaja daripada terjebak dengan gejala negatif di atas? [8 markah]

Bahagian C

Gambar berikut berkaitan cara meningkatkan nilai kerohanian.



Sumber: www.haraki.my

- (a) Nyatakan **empat** cara lain untuk meningkatkan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian. [4 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan meningkatkan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Huraikan implikasi sekiranya individu mengabaikan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 4: Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat demi Kesejahteraan Sejaht Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan penyebaran maklumat di media sosial.



Hebatnya berita ini ! Saya hendak kongsikannya dengan rakan-rakan saya di media sosial dengan segera.

Sumber: <https://rb.gy/zf5bq>

- (a) Penaakulan moral untuk menentukan kewajarannya sebelum menularkan mesej seperti di atas kepada rakan adalah diperlukan. Justifikasikan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Nyatakan kesan sekiranya mesej yang disebar tersebut tidak benar.

.....

.....

[2 markah]

- (c) Sebagai murid, bagaimanakah anda mempraktikkan amalan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat secara beretika dalam kehidupan harian?

- i.
-
- ii.
-

[4 markah]

TINGKATAN 5
Unit 5: Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan membudayakan amalan integriti dalam organisasi.



Sumber: <https://www.ucyp.edu.my/e-integriti/?lang=ms>

(a) Berikan **tiga** cara melaksanakan integriti dalam organisasi.

- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

(b) Terangkan kepentingan amalan integriti dalam sesebuah organisasi.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Ramalkan implikasi jika amalan integriti dalam organisasi diabaikan.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B

Gambar berikut menunjukkan suasana dalam sebuah organisasi.



Sumber: <https://pakarhr.com/2017/09/19/senarai-masalah-disiplin-pekerja/>

- (a) Situasi dalam gambar di atas wujud kerana tiada amalan integriti dalam kalangan anggota organisasi. Nyatakan elemen dalam integriti yang perlu ada dalam sesebuah organisasi. [2 markah]
- (b) Sejauh manakah elemen dalam integriti mempengaruhi mutu perkhidmatan sesebuah organisasi? [8 markah]

Bahagian C

Maklumat berikut berkaitan kod etika kerja dan integriti dalam organisasi.

**PEMATUHAN KOD ETIKA
KERJA MAMPU
MENINGKATKAN INTEGRITI
DALAM ORGANISASI**

- (a) Berikan ciri-ciri seorang ahli organisasi yang berintegriti. [4 markah]
- (b) Terangkan kepentingan mempraktikkan amalan integriti dalam organisasi. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari. [8 markah]
- (c) Jelaskan implikasi sekiranya kod etika kerja tidak dipatuhi dalam sesebuah organisasi. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 6: Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti

Bahagian A

Dapatan maklum balas berikut menunjukkan hasil tinjauan beberapa orang pesakit luar terhadap perkhidmatan di sebuah klinik kesihatan awam.

TINJAUAN TERHADAP KLINIK KESIHATAN DAERAH X

“Petugas klinik yang ramah dan sentiasa sedia membantu. Saya gembira dengan layanan mereka terhadap pesakit”

-Pesakit Luar W-

“Masa perkhidmatan agak sedikit lambat namun masih relevan. Mungkin sebab kekurangan staf dan petugas”

- Pesakit Luar Y-

“Klinik yang bersih, namun ruang yang agak sempit dan tempat duduk yang terhad menyebabkan ramai pelanggan terpaksa menunggu dalam keadaan berdiri”

- Pesakit Luar Z-

- (a) Berdasarkan hasil tinjauan di atas, cadangkan **dua** langkah penambahbaikan yang dapat meningkatkan integriti dalam perkhidmatan di klinik kesihatan.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Andaikan anda ialah ketua jabatan di klinik kesihatan daerah X, huraikan ciri-ciri yang perlu ada sebagai ketua jabatan bagi memastikan tadbir urus yang baik dapat diamalkan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Huraikan **dua** kepentingan integriti bagi mewujudkan sistem pentadbiran yang telus demi pembangunan negara.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Poster berikut berkaitan skim harga maksimum barangan keperluan pada musim perayaan.



Sumber: <https://www.mysumber.tv/barangan-kawalan-harga-roya/>

Kenaikan harga barang sering berlaku pada musim perayaan. Hal ini berlaku apabila terdapat segelintir peniaga yang mementingkan keuntungan semata-mata dengan menaikkan harga barangan tanpa kawalan.

- (a) Amalan berintegriti perlu dilakukan oleh para peniaga bagi memastikan pembangunan ekonomi negara berada dalam keadaan seimbang dan adil. Senaraikan **dua** contoh amalan berintegriti tersebut.

[2 markah]

- (b) Perbuatan yang tidak berintegriti oleh para peniaga mendatangkan implikasi kepada pembangunan negara. Bincangkan.

[8 markah]

Bahagian C

Maklumat di bawah berkaitan pelepasan cukai yang dituntut oleh Encik Aziz.

PELEPASAN CUKAI YANG LAYAK DITUNTUT		PELEPASAN CUKAI YANG TELAH DITUNTUT	
Gaya Hidup	RM1000.00	Gaya Hidup	RM2500.00
Sumbangan	RM 400.00	Sumbangan	RM1000.00
SSPN	RM 300.00	SSPN	RM2000.00
Insurans	RM1200.00	Insurans	RM2600.00

- (a) Tindakan Encik Aziz adalah tidak wajar. Berikan sebabnya berdasarkan **satu** nilai universal yang telah anda pelajari.

[4 markah]

- (b) Pendapatan negara bergantung kepada hasil pembayaran cukai. Terangkan kepentingan cukai untuk pembangunan negara.

[8 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan boleh memupuk amalan berintegriti dalam kalangan pembayar cukai?

[8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 7: Berperikemanusiaan Pemangkin Kesejahteraan Global

Bahagian A

Keratan akhbar di bawah berkenaan kejadian kebakaran hutan yang berlaku di beberapa buah negara Eropah seperti Itali, Perancis dan Sepanyol.

Kebakaran hutan Eropah isyarat kecemasan alam sekitar, manusia

Ogos 22, 2022 @ 11:31am



Pada peringkat global, kebakaran hutan semakin teruk dan 2021 menjadi musim yang mencatatkan kebakaran kedua terburuk yang pernah direkodkan, menurut Universiti Maryland dan perkhidmatan pemantauan Global Forest Watch <https://www.globalforestwatch.org> (GFW).

Data baharu yang diterbitkan GFW Rabu lalu - yang dikendalikan oleh Institut Sumber Dunia, sebuah badan pemikir yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) - menunjukkan kebakaran hutan semakin berleluasa dan membakar kira-kira dua kali lebih banyak pokok sekarang berbanding 20 tahun lalu.

Sumber: <https://bit.ly/3N37ama>

- (a) Pada pendapat anda, apakah penyebab utama peningkatan kes kebakaran hutan seperti yang tertera dalam keratan akhbar di atas?

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Andaikan anda aktivis alam sekitar, sarankan cara masyarakat global membantu pihak berkuasa dalam mencegah kebakaran hutan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan kebaikan membantu dalam menangani isu kebakaran hutan demi kesejahteraan global.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Petikan di bawah berkenaan isu pemerdagangan manusia.

SEPANG: Lima rakyat Malaysia yang menjadi mangsa pemerdagangan manusia untuk dijadikan 'scammer' sebuah syarikat di Laos pulang ke tanah air hari ini.

Sumber: <https://bit.ly/3UZkc6i>

- (a) Berikan jenis-jenis aktiviti pemerdagangan manusia yang anda tahu. [2 markah]
- (b) Peranan aktif orang awam dalam menyalurkan maklumat yang tepat amat diperlukan dalam usaha negara menangani jenayah pemerdagangan manusia yang tidak berperikemanusiaan ini.

Selain tindakan di atas, huraikan tindakan yang patut anda lakukan dalam membantu usaha negara membanteras jenayah tersebut.

[8 markah]

Bahagian C

Gambar di bawah berkenaan semangat perpaduan rakyat Malaysia ketika bencana banjir.



Sumber: <https://bit.ly/43UxIRZ>

- (a) Apakah perasaan anda apabila melihat gambar di atas? Justifikasikan jawapan anda. [4 markah]
- (b) Ramalkan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap mangsa banjir. [8 markah]
- (c) Andaikan anda pihak kerajaan, bagaimanakah anda dapat mengelakkan berlakunya masalah banjir di negara anda? Jawapan anda mesti disokong dengan nilai universal yang telah dipelajari. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 8: Penglibatan Diri Peneraju Komuniti

Bahagian A

Pernyataan berikut berkaitan program inap desa.

Inap desa atau *homestay* merupakan satu bentuk layanan dan penginapan yang ditawarkan oleh orang awam kepada para pelancong. Mereka akan menawarkan sebuah bilik atau seluruh rumah untuk disewa mengikut kesesuaian masa para pelancong. Tujuannya adalah untuk menampung kekurangan bilik hotel di sesetengah tempat.

- (a) Berdasarkan penaaakulan moral, berikan kriteria yang akan anda pertimbangkan ketika memilih inap desa untuk tujuan penginapan semasa melancong.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Berikan kebaikan program inap desa yang semakin giat membangun di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan usaha untuk memajukan program inap desa.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Gambar di bawah menunjukkan khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh sesetengah komuniti.



Sumber: <https://bit.ly/41NvvAO>

- (a) Nyatakan peranan ibu bapa dalam menggalakkan anak supaya turut serta dalam program khidmat masyarakat. [2 markah]
- (b) Jelaskan implikasi kurang penglibatan remaja dalam program khidmat masyarakat pada masa sekarang. [8 markah]

Bahagian C

Gambar berikut berkaitan tabung dana untuk membantu mangsa bencana alam.



Sumber: <https://bit.ly/3N3DIfQ>

- (a) Apakah yang akan anda lakukan sekiranya ternampak ada tabung dana tersebut? [4 markah]
- (b) Huraikan kepentingan penglibatan komuniti dalam menjayakan kempen kutipan derma tersebut. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Jelaskan peranan masyarakat dalam menjayakan program komuniti tersebut. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 9: Kerjasama Masyarakat Global

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan dengan Tapak Warisan Dunia Malaysia.

Tapak Warisan Dunia di Malaysia

UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB) telah menetapkan empat Tapak Warisan Dunia di Malaysia. Tapak Warisan Dunia UNESCO adalah tempat-tempat yang penting kepada warisan budaya atau budaya semula jadi seperti yang dinyatakan dalam Konvensyen Warisan Dunia UNESCO. Tapak Warisan Dunia di Malaysia terdiri daripada Taman Negara Mulu, Taman Negara Kinabalu yang diisytiharkan pada tahun 2000 dan Lembah Lenggong, Perak diisytiharkan pada tahun 2012.

Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_Tapak_Warisan_Dunia_di_Malaysia

- (a) Jelaskan perasaan anda apabila mengetahui lokasi-lokasi tersebut diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia.

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Nyatakan **dua** sebab pengiktirafan diberikan kepada lokasi tersebut.

i.

ii.

[2 markah]

- (c) Apakah usaha yang boleh dijalankan oleh masyarakat global untuk mengekalkan kawasan di atas sebagai Tapak Warisan Dunia?

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Selain contoh Tapak Warisan Dunia di atas, namakan **dua** Tapak Warisan Dunia lain yang terdapat di Malaysia.

i.

ii.

[2 markah]

Bahagian B

Maklumat berikut berkaitan bantuan kemanusiaan.



PORT DICKSON: Malaysia akan menyalurkan bantuan kewangan RM500,000 kepada mangsa gempa bumi dan tsunami di Sulawesi, Indonesia.

Sumber: Berita Harian, 3 Oktober 2018

- (a) Selain bantuan kewangan, nyatakan **dua** contoh bantuan lain untuk membantu mangsa gempa bumi dan tsunami di Sulawesi, Indonesia. [2 markah]
- (b) Ramalkan kesan sekiranya Malaysia mengabaikan sikap kerjasama dalam masyarakat global. [8 markah]

Bahagian C

Gambar rajah di bawah menunjukkan kelestarian alam sekitar.



Sumber: <https://bit.ly/3jvnJs1>

Teknologi hijau atau teknologi alam sekitar adalah penggunaan sains alam sekitar untuk memulihara sumber semula jadi bagi mengawal kesan negatif aktiviti manusia. Teknologi hijau mampu mengatasi masalah pencemaran yang semakin serius.

- (a) Nyatakan amalan hijau dalam masyarakat demi menyokong teknologi alam sekitar. [4 markah]
- (b) Berdasarkan maklumat di atas, huraikan peranan masyarakat global dalam melestarikan alam sekitar berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Huraikan kesan sekiranya masyarakat global tidak berganding bahu dalam melestarikan alam sekitar. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 10: Pengurusan Kewangan Secara Beretika Menjamin Keharmonian Hidup

Bahagian A

Maklumat berikut berkaitan sumber kewangan bagi seorang persara.

Encik Sempurai merupakan seorang bekas anggota tentera yang berpangkat staf sarjan dan menerima wang persaraannya sebanyak RM3,600.00 setiap bulan. Bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, dia menjalankan perniagaan secara dalam talian dan menerima pendapatan RM550.00 hasil jualan barang kepada pelanggan. Sebagai jaminan jangka panjang, dia masih membuat simpanan tetap di sebuah bank yang menawarkan faedah sebanyak 3% setahun.

- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **tiga** sumber kewangan tambahan lain yang boleh diperoleh Encik Sempurai secara beretika.

- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah Encik Sempurai dapat mengurus kewangan secara beretika bagi menampung keperluan hariannya?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Huraikan kepentingan pengurusan kewangan secara beretika dalam kehidupan seharian.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

Petikan akhbar di bawah berkaitan isu kenaikan harga barangan.



Sumber: Sinar Harian, 12 Januari 2022

- (a) Pada pendapat anda, apakah punca kenaikan harga barang? [2 markah]
- (b) Huraikan implikasi jika rakyat kurang kesedaran tentang pengurusan kewangan secara beretika ketika menghadapi krisis kenaikan harga barang. [8 markah]

Bahagian C

Gambar di bawah mengingatkan kita agar berhati-hati jika ingin membuat pelaburan.



Sumber: <https://twitter.com/kwspmalaysia?lang=en>

- (a) Senaraikan bentuk pelaburan yang beretika. [4 markah]
- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, setiap individu perlu cakna tentang ilmu pelaburan agar dapat mempertingkatkan kestabilan kewangan kita. Bagaimanakah cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa skim penipuan pelaburan? Jelaskan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah pelaburan yang beretika mampu menjamin kestabilan kewangan seseorang individu? [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 11: Malaysia Unggul Di Mata Dunia

Bahagian A

Gambar berikut menunjukkan tapak warisan dunia Malaysia yang diiktiraf oleh UNESCO.



Bandar raya Melaka mendapat pengiktirafan sebagai tapak warisan UNESCO pada 2008.

Sumber: <https://bit.ly/3VoG1w5>

- (a) Jelaskan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan negara di atas.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Terangkan tindakan yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk memelihara dan memulihara tapak warisan dunia yang terdapat di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Selain contoh di atas, senaraikan contoh warisan negara yang diiktiraf oleh UNESCO.

- i.
- ii.

[2 markah]

Bahagian B

Gambar dan pernyataan berikut menunjukkan kejayaan pelari negara mengungguli pertandingan peringkat antarabangsa.



Soh Wai Ching merupakan atlet berusia 27 tahun memenangi acara pendakian 2,226 anak tangga dan 104 tingkat bangunan One World Trade Center dengan catatan 12 minit 46 saat telah disahkan sebagai nombor satu dunia selepas mengungguli kategori keseluruhan saingan Tunnel to Towers Climb NYC di New York, Amerika Syarikat.

Sumber: <https://bit.ly/3B4Ux2K>

- (a) Nyatakan **dua** contoh lain kejayaan Malaysia dalam bidang sukan. [2 markah]
- (b) Bagaimanakah kejayaan di atas dapat menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia yang lain? Bincangkan. [8 markah]

Bahagian C

Gambar berikut menunjukkan jenama tempatan yang terkenal pada peringkat antarabangsa.



Sumber: <https://bit.ly/3pLbOMd>

- (a) Nyatakan contoh produk tempatan lain yang terkenal pada peringkat antarabangsa. [4 markah]
- (b) Jelaskan peranan anda sebagai masyarakat Malaysia untuk memartabatkan produk buatan Malaysia. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh pengeluar produk buatan Malaysia untuk bersaing dengan produk luar negara di pasaran antarabangsa. [8 markah]

TINGKATAN 5

Unit 12: Malaysia Dalam Hubungan Antarabangsa

Bahagian A

Gambar berikut berkaitan logo sebuah pertubuhan serantau yang dianggotai Malaysia.



Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5, hlm. 171

- (a) Selain Malaysia, nyatakan **dua** negara lain yang menganggotai pertubuhan di atas.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Jelaskan **dua** bentuk kerjasama antara Malaysia dengan negara-negara anggota pertubuhan tersebut.

.....

[4 markah]

- (c) Pernyataan berikut berkaitan dengan hubungan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh negara dalam mengekalkan hubungan dengan negara luar. Cabaran ini perlu ditangani agar dapat menjalinkan kerjasama dan kesefahaman pada peringkat dunia.

Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5, hlm. 174

Huraikan cabaran yang perlu ditempuhi oleh Malaysia dalam mengekalkan hubungan antarabangsa.

.....

[4 markah]

Bahagian B

